



30 September 2024
30 September 2024
P.U. (A) 260

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN PRODUK
MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM
(KAWALAN PENJUALAN) 2024

*CONTROL OF SMOKING PRODUCTS FOR PUBLIC HEALTH
(CONTROL OF SALE) REGULATIONS 2024*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM 2024

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM
(KAWALAN PENJUALAN) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 53 Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 [*Akta 852*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (Kawalan Penjualan) 2024**.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2024.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“cerut” ertinya suatu gulung tembakau yang dibungkus dalam daun tembakau;

“institusi pendidikan” ertinya sekolah atau mana-mana tempat lain sama ada swasta atau awam yang dalam menjalankan kerja sesuatu organisasi atau institusi, orang lazimnya diajar di dalam satu kelas atau lebih, dan termasuklah sesuatu tadika;

“institusi pendidikan tinggi” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*];

“jalan” ertinya mana-mana jalan awam atau persendirian, dan termasuklah mana-mana lebuh, medan, halaman, jalan kecil, lorong, jambatan, siar kaki, haluan jejak, jalan enam kaki, jalan lalu, atau lebuh raya, sama ada tembus atau tidak, yang orang awam berhak lalu;

“kedai khas” ertinya mana-mana tempat atau premis perniagaan tetap yang dilesenkan oleh pihak berkuasa hanya untuk menjual produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau;”

“produk yang dipanaskan” ertinya apa-apa produk yang mengandungi tembakau atau tidak, sama ada digulung atau dibalut dalam kertas atau bahan lain yang digunakan untuk merokok melalui proses pemanasan;

“rokok” ertinya apa-apa produk yang mengandungi tembakau atau tidak, sama ada digulung atau dibalut dalam kertas atau bahan lain yang digunakan untuk merokok melalui proses pembakaran.

Larangan penjualan produk merokok secara dalam talian, dsb.

3. Apa-apa produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau tidak boleh dijual secara dalam talian atau melalui mesin layan diri.

Larangan penjualan produk merokok di institusi pendidikan, dsb.

4. Apa-apa produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau tidak boleh dijual—

- (a) dalam kawasan institusi pendidikan atau institusi pendidikan tinggi; dan
- (b) dalam jarak 40 meter dari sempadan atau pagar luar kawasan institusi pendidikan atau institusi pendidikan tinggi itu; atau
- (c) jika institusi pendidikan atau institusi pendidikan tinggi itu terletak di dalam bangunan komersial, dalam jarak 3 meter dari pintu masuk institusi pendidikan atau institusi pendidikan tinggi itu; dan
- (d) di mana-mana jalan, gerai atau pasar yang bersifat sementara.

Syarat penjualan produk merokok

5. Apa-apa produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau tidak boleh dijual atau ditawarkan untuk dijual—

(a) kecuali yang telah dibungkus dan dilabel sebagaimana yang dikehendaki dalam Peraturan-Peraturan Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (Pembungkusan dan Pelabelan) 2024; dan

(b) dalam paket yang telah dibuka atau secara berasingan.

Larangan pameran produk tembakau, dsb.

6. (1) Seseorang peruncit atau mana-mana orang tidak boleh mempamerkan, menyebabkan atau membenarkan dipamerkan apa-apa produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau kecuali di kedai khas.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau yang dipamerkan dalam kedai khas tidak boleh dilihat dengan mudah dari luar kedai itu.

Pameran tanda amaran di kaunter jualan

7. (1) Mana-mana peruncit atau orang yang menjual produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau, sama ada di kedai khas atau selainnya hendaklah, pada setiap masa, mempamerkan dengan cara yang mudah dilihat suatu tanda amaran sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Tanda amaran yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah diperbuat daripada bahan yang keras, legap dan tahan lama dengan ciri-ciri seperti yang berikut:

(a) 50 sentimeter lebar dan 60 sentimeter panjang, dengan ukuran segi empat tepat dengan latar belakang berwarna putih tulen;

(b) cetakan yang jelas suatu bulatan dengan tanda palang berwarna merah dengan ketebalan sekurang-kurangnya 2.5 sentimeter yang

menindih imej produk merokok yang berwarna hitam dengan simbol "<18" dalam fon Arial berwarna hitam tulen yang bersaiz sekurang-kurangnya 250 poin dan diletakkan pada bahagian bawah kanan bulatan pada bahagian atas tanda larangan; dan

- (c) cetakan yang jelas perkataan "AMARAN" dan "MENJUAL PRODUK TEMBAKAU, BAHAN MEROKOK ATAU PRODUK PENGGANTI TEMBAKAU KEPADA ORANG YANG BERUMUR BAWAH LAPAN BELAS TAHUN ADALAH DILARANG" dalam fon Arial berwarna hitam tulen bersaiz minimum 100 poin.

Harga runcit bagi produk tembakau, dsb.

8. (1) Tiap-tiap pengilang atau pengimport produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Ketua Pengarah bagi maksud penetapan harga runcit bagi apa-apa produk itu.

(2) Dalam hal jika terdapat pengenaan atau perubahan kepada cukai eksais atau apa-apa cukai lain ke atas apa-apa produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau, tiap-tiap pengilang atau pengimport hendaklah mengemukakan permohonan untuk mengubah harga runcit dengan cara yang disebut dalam subperaturan (1) dalam masa tujuh hari dari tarikh pengenaan atau perubahan kepada cukai eksais atau apa-apa cukai lain ke atas produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau itu.

(3) Kadar harga runcit yang dinaikkan bagi setiap produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau hendaklah, tertakluk pada kelulusan Ketua Pengarah, pada kadar sekurang-kurangnya sama dengan jumlah harga runcit sebelum kenaikan harga dan dicampur dengan jumlah keseluruhan cukai eksais dan apa-apa cukai lain dan jumlah itu hendaklah dibulatkan kepada sepuluh sen yang terdekat.

(4) Ketua Pengarah boleh, apabila permohonan dibuat mengikut subperaturan (1) atau (2), meluluskan atau menolak permohonan itu dan sekiranya permohonan itu ditolak, pengilang atau pengimport yang berkenaan hendaklah diberitahu mengenai penolakan itu secara bertulis.

(5) Tiap-tiap harga runcit yang diluluskan oleh Ketua Pengarah di bawah subperaturan (4) hendaklah berkuat kuasa pada tarikh kelulusan tersebut.

(6) Tiada seorang pun boleh menjual atau menawarkan untuk jualan apa-apa produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau tanpa mempamerkan label harga runcit yang diluluskan oleh Ketua Pengarah dengan jelas pada setiap paket atau karton produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau.

Harga jualan minimum produk tembakau, dsb.

9. (1) Tertakluk pada subperaturan (2), semua paket rokok, cerut, atau produk yang dipanaskan hendaklah dijual pada harga jualan minimum dua belas ringgit bagi setiap paket.

(2) Mana-mana paket rokok, cerut dan produk yang dipanaskan dengan harga runcit yang diluluskan bersamaan dengan atau lebih daripada harga jualan minimum yang dinyatakan dalam subperaturan (1), hendaklah dijual dengan harga runcit yang diluluskan itu.

(3) Tiada seorang pun boleh menjual atau menawarkan untuk menjual, membeli atau berada dalam milikannya apa-apa paket atau karton produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau yang tidak dicetak dengan set teks dan imej amaran kesihatan sebagaimana yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (Pembungkusan dan Pelabelan) 2024.

JADUAL PERTAMA
[Subperaturan 7(1)]

TANDA AMARAN DI KAUNTER JUALAN



AMARAN

**MENJUAL PRODUK TEMBAKAU,
BAHAN MEROKOK ATAU PRODUK
PENGANTI TEMBAKAU KEPADA
ORANG YANG BERUMUR BAWAH
LAPAN BELAS TAHUN ADALAH
DILARANG**

Dibuat 26 September 2024
[KKM.600-1/1/63 JLD3 (59); PN(PU2)770]

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
Menteri Kesihatan

CONTROL OF SMOKING PRODUCTS FOR PUBLIC HEALTH ACT 2024

CONTROL OF SMOKING PRODUCTS FOR PUBLIC HEALTH (CONTROL OF SALE)
REGULATIONS 2024

IN exercise of the powers conferred by section 53 of the Control of Smoking Products For Public Health Act 2024 [Act 852], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Control of Smoking Products For Public Health (Control of Sale) Regulations 2024**.

(2) These Regulations shall come into operation on 1 October 2024.

Interpretation

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“cigar” means a roll of tobacco wrapped in a tobacco leaf;

“educational institution” means a school or any other place whether private or public where, in the carrying on of the work of an organization or institution, persons are habitually taught in one or more classes, and includes a kindergarten;

“higher educational institution” has the meaning assigned to it in the Education Act 1996 [Act 550];

“road” means any public or private road, and includes any street, square, court, alley, lane, bridge, footway, track, bridle-path, passage, or highway, whether a thoroughfare or not, over which the public have a right of way;

“specialized store” means any fixed place of business or premise that is licensed by the authority solely to sell tobacco product, smoking substance or substitute tobacco product;

“heated product” means any product with or without tobacco, either rolled up or enclosed in paper or other material used for smoking via heating process;

“cigarette” means any product with or without tobacco, either rolled up or enclosed in paper or other material used for smoking via combustion process.

Prohibition of online sale of smoking product, etc.

3. Any tobacco products, smoking substance or substitute tobacco products shall not be sold online or through a vending machine.

Prohibition of sale of smoking products at educational institution, etc.

4. Any tobacco products, smoking substance or substitute tobacco products shall not be sold—

(a) within the educational institution or higher educational institution area; and

(b) within 40 meters of the border or fence outside the educational institution or higher educational institution area; or

(c) where the educational institution or higher educational institution is located in a commercial building, within 3 meters from the entrance of the educational institution or higher educational institution; and

(d) at any road, stalls or market which is temporary in nature;

Conditions of selling smoking products

5. Any tobacco products, smoking substance or substitute tobacco products shall not be sold or offered for sale—

(a) except as packed and labelled as required in the Control of Smoking Products For Public Health (Packaging and Labelling) Regulations 2024; and

(b) in an opened packet or in a loose form.

Prohibition of display of tobacco products, etc.

6. (1) A retailer or any person shall not display, cause or permit to be displayed any tobacco product, smoking substance or substitute tobacco product except at specialized stores.

(2) Notwithstanding subregulation (1), the tobacco product, smoking substance or substitute tobacco product displayed in the specialized stores shall not be seen conspicuously outside the store.

Display of warning sign at point of sale

7. (1) Any retailer or person who sells tobacco product, smoking substance or substitute tobacco product, whether in a specialized store or otherwise shall, at all time, conspicuously display a warning sign as specified in the First Schedule.

(2) The warning sign referred to in subregulation (1) shall be made from hard, opaque and long-lasting material with the following characteristics:

(a) 50 centimetre wide and 60 centimetre long, rectangular in shape with a pure white background;

(b) a clear printed red coloured circle line with a crossbar with the minimum thickness of 2.5 centimetre superimposed on the image of a black coloured smoking products with the symbol "<18" in a pure black Arial font with the minimum size of 250 points placed at the lower right quadrant of the circle on top of the sign; and

(c) a clear printed words "AMARAN" and "MENJUAL PRODUK TEMBAKAU, BAHAN MEROKOK ATAU PRODUK PENGGANTI TEMBAKAU KEPADA ORANG YANG BERUMUR BAWAH LAPAN

BELAS TAHUN ADALAH DILARANG” in a black coloured Arial font with the minimum size of 100 points.

Retail price of tobacco products, etc.

8. (1) Every manufacturer or importer of tobacco product, smoking substance or substitute tobacco product shall submit an application in writing to the Director General for the purpose of setting of the retail price for any such products.

(2) In the event where there is an imposition or change in excise duty or any other tax on any tobacco product, smoking substance or substitute tobacco product, every manufacturer or importer shall submit an application in the manner referred to in subregulation (1) within seven days from the imposition or change in excise duty or any other tax on the tobacco product, smoking substance or substitute tobacco product.

(3) The increase rate of retail price for each tobacco product, smoking substance or substitute tobacco product shall, subject to the approval of the Director General, be at least the sum of the retail price prior to the increase plus the total excise duty and any other tax and the sum shall be rounded up to the nearest ten cents.

(4) The Director General shall, on application made in accordance with subregulation (1) or (2), approve or refuse the application and where the application is refused, the manufacturer or importer shall be notified on such refusal in writing.

(5) Every retail price approved by the Director General under subregulation (4) shall take effect from the date of such approval.

(6) No person shall sell or offer for sale any tobacco product, smoking substance or substitute tobacco product without displaying a clear price label of the retail prices approved by the Director General on each packet and carton of tobacco product, smoking substance or substitute tobacco product.

Minimum price of tobacco product, etc.

9. (1) Subject to subregulation (2), every packet of cigarette, cigar, or heated product shall be sold at a minimum price of twelve ringgit each packet.

(2) Any packet of cigarette, cigar and heated product with an approved retail price equivalent to or more than the minimum selling price specified in subregulation (1), shall be sold at the approved retail price.

(3) No person shall sell or offer for sale, buy or has in his possession any packet or carton of tobacco product, smoking substance or substitute tobacco product that is not printed with the text set and health warning images as prescribed in the Control of Smoking Products For Public Health (Packaging and Labelling) Regulations 2024.

FIRST SCHEDULE
[Subregulation 7(1)]

WARNING SIGN AT POINT OF SALE



AMARAN

**MENJUAL PRODUK TEMBAKAU,
BAHAN MEROKOK ATAU PRODUK
PENGANTI TEMBAKAU KEPADA
ORANG YANG BERUMUR BAWAH
LAPAN BELAS TAHUN ADALAH
DILARANG**

Made 26 September 2024
[KKM.600-1/1/63 JLD3 (59); PN(PU2)770]

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
Minister of Health